



Submission date: 28/08/2020

Accepted date: 11/11/2020

## KONSEP HARMONI YANG DINAMIK DALAM KEHIDUPAN BERAGAMA DI MALAYSIA MELALUI PENDEKATAN MAQASID SYARIAH

*The Concept of Dynamic Harmonies on Religious Life in Malaysia through the Syariah Maqasid Approach*

Setiyawan Gunardi, Mualimin Mohammad Sahid, Nur Mohammad Hadi Zahalan  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia

Corresponding Author:  
setiyawan@usim.edu.my

### ABSTRAK

Di Malaysia, masyarakat menjalani kehidupan dengan berpandukan kepada agama. Satu konsep amat diperlukan yang boleh melindungi umat beragama sama ada yang muslim mahupun bukan muslim dan juga boleh mengelak perbalahan yang mungkin berlaku pada sesuatu masa nanti. Konsep harmoni yang dinamik mempunyai ciri kebersamaan yang boleh diterima semua golongan masyarakat dalam kehidupan beragama melalui pendekatan *maqasid syariah*. Oleh itu, kajian ini bertujuan menjelaskan konsep harmoni yang dinamik dalam kehidupan beragama. Juga mendedahkan kedudukan golongan bukan Islam yang menjalankan kehidupan di Malaysia. Selain itu, menjelaskan *maqasid syariah* dan peranannya dalam mewujudkan suasana masyarakat yang aman dan harmoni. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan rujukan yang bersifat deskriptif. Data yang diperoleh adalah bersumberkan data primer, iaitu kajian lapangan melalui observasi, jurnal, artikel dan laman web dan data sekunder, iaitu al-Quran dan hadith. Hasil kajian mendapati bahawa konsep harmoni yang dinamik merupakan panduan kehidupan beragama dengan berdasarkan kepada *maqasid syariah*.

Kata Kunci: Konsep, Harmoni yang Dinamik, Umat beragama, Muslim, Bukan Muslim, *Maqasid Syariah*.

## ABSTRACT

In Malaysia, people live their lives by being religious. It is an indispensable concept that can protect religious ummah, either both Muslims and non-Muslims, and can also avoid possible disputes. The concept of dynamic harmony has the unifying feature of all groups of people in religious life through the *shariah maqasid* approach. Therefore, this study aims to explain the concept of dynamic harmony in religious life. It also reveals the position of non-Muslims who are living in Malaysia. In addition, it explains the *sharia maqasid* and its role in creating a peaceful and harmonious community. This study uses a research qualitative method with descriptive references. The data obtained is the source of primary data, namely field studies through observations, journals, articles and websites and secondary data, namely the Quran and hadith. The study found that the concept of dynamic harmony is a guide to religious life based on *shariah maqasid*

**Keywords:** Concept, Dynamic Hamonies, Religious Ummah, Muslim, Non Muslim, Maqasid Syariah.

## PENGENALAN

Islam merupakan agama yang syumul dan panduan untuk melindungi seluruh kehidupan. Dialog dan komunikasi bersama dalam Islam secara berterusan akan mendatangkan kebaikan terhadap kehidupan beragama (Setiyawan Gunardi 2019). Hal ini, amat diperlukan memandangkan dari masa ke masa kadangkala berlaku kesalahfahaman antara dua kalangan yang berbeza pegangan agama.

Banyak isu cara bermasyarakat dalam kehidupan bersama antara orang Islam dan orang bukan Islam. Mekanisme dalam kehidupan ini memerlukan konsep harmoni yang boleh memberi kebaikan dan keselesaan hidup dengan kepelbagaiannya agama, bangsa dan negara (Setiyawan Gunardi & Siti Hajar 2019). *Maqasid syariah* merupakan tujuan agama dalam melindungi semua makhluk hidup dari semua aspek, menentukan sesuatu perkara beragama sehingga dapat ditangani dengan konsep harmoni. Perlindungan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta untuk mendapat maslahah bersama kepada manusia sebagai hamba Allah. Penerapan *maqasid* bertujuan untuk menuju kemaslahatan bersama sehingga semua pihak yang tinggal bersama di satu tempat merasakan perlindungan yang sewajarnya.

## KAJIAN LITERATUR

Kehidupan berbilang agama, bangsa dan negara adalah kepelbagaiannya yang memerlukan satu konsep harmoni sehingga dapat menjaga kelangsungan hidup secara aman. Menurut kamus Dewan (2002), harmoni adalah sesuatu menunjukkan persesuaian atau persetujuan. Secara umum, harmoni berlaku pada semua aspek kehidupan bagi semua masyarakat tanpa mengira latarbelakang.

Al-Sharif (2003) berpendapat, orang bukan Islam tinggal bersama orang Islam dalam sebuah negara dikenali sebagai *ahl al-Dhimmah*. Mabruk (2015) berpendapat bahawa zaman yang kaya dengan kepelbagaian pegangan agama, ideologi, dan aliran atau orientasi intelektual, perkara yang paling penting bagi menjamin kestabilan sesuatu masyarakat adalah kesanggupan warga untuk hidup bersama dengan aman sesama warga walaupun berlainan kepercayaan dan pengamalan beragama. Asas-asas penting dalam pembentukan kehidupan bermasyarakat adalah persamaan dari segi kemanusiaan. Keadilan, menolak sebarang kezaliman, kebebasan beragama, melaksanakan janji, toleransi, jaminan ekonomi dan dapat memberi sumbangan kepada pentadbiran negara (al-Gharyani, 2006).


Konsep harmoni dalam kehidupan yang pelbagai ini amat berkait rapat dengan *maqasid syariah*. Imam al-Ghazali menjelaskan *maqasid syariah* sebagai maslahah yang mengambil manfaat dan menolak keburukan dan ini sememangnya menjadi tujuan umat manusia dan bertujuan untuk memelihara lima perkara asas manusia (*usul al-khams*) iaitu untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Setiap perkara yang bertujuan untuk memelihara *usul al-khams* ini dikenali sebagai maslahah, manakala perkara yang memudaratkan *usul al-khams* pula dikenali sebagai *mafsadah* (al-Zarqa, 1998).

Menurut al-Fasi (1993), bahawa *maqasid syariah* sebagai tujuan dan rahsia yang telah ditetapkan oleh Allah dalam sesuatu hukum. *Maqasid* dibahagi kepada *maqasid* umum dan *maqasid* khusus. *Maqasid* umum ialah matlamat syariah secara umum, manakala *maqasid* khusus ialah rahsia di sebalik setiap hukum.

Menurut Syatibi (1996) tujuan akhir hukum tersebut adalah satu, iaitu maslahah atau kebaikan dan kesejahteraan buat seluruh manusia. Beliau melihat *maqasid syariah* dari dua sudut: *wujud* dan *adam* atau *the presence and the absence*. Dalam bukunya al-Muwafaqat, beliau mengatakan bahawa: “Menjaga *maqasid syariah* harus dengan dua hal. Pertama, menegakkan dasar dan parameter sebagai bentuk khusus terhadap *wujud*. Kedua, menghalang kerosakan yang akan berlaku atau dijangkakan akan berlaku sebagai bentuk khusus terhadap *adam*.

Berdasarkan takrifan di atas, maka didapati bahawa *maqasid syariah* adalah tujuan syariah sebagai panduan dalam mendapat maslahah dan mengelak mudarat, sama ada secara umum maupun khusus demi kepentingan bersama (Setiyawan Gunardi 2019).

### Rajah 1.1: Hubungan Konsep Harmoni Melalui Pendekatan Maqasid Syariah dalam Kehidupan Umat Beragama



Merujuk kepada rajah di atas didapati bahawa *maqasid syariah* adalah prinsip asas dalam menjalankan konsep harmoni yang menjadi pegangan hidup beragama antara orang Islam dan orang bukan Islam.

Konsep harmoni agama, bermaksud ajaran agama Islam tidak dibenarkan membuat cercaan kepada Tuhan agama lain, kerana akan berlaku balasan yang serupa daripada pengikut agama selain Islam. Hal ini, telah dinyatakan firman Allah dalam al-Quran, surah al-An'am 6: 108, yang bermaksud: *Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu Ia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan.* Ayat ini menjelaskan bahawa agama Islam amat menghargai perbezaan agama yang dianut tanpa melakukan cela-mencela antara satu agama sama agama lain.

Harmoni nyawa, keharusan makan dan minum yang halal bagi menjaga nyawa. Allah berfirman dalam surat al-Baqarah 2: 168, yang bermaksud: *Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut*

*jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.* Pengambilan makanan dan minuman yang halal lagi baik digalakkan oleh Islam adalah keperluan semua manusia, tanpa membezakan agama, demi menjaga kesihatan tubuh badan.

Harmoni Akal, melalui pengharaman minuman arak seperti firman Allah dalam surat al-Baqarah 2: 219, yang bermaksud: *Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya;* dan surat al-Nisa 4: 43, yang bermaksud: *Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampiri sembahyang (mengerjakannya) sedang kamu dalam keadaan mabuk, hingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan.* Pengharaman arak bertujuan untuk melindungi akal manusia agar sentiasa sihat. Kesan negatif minuman arak dapat menghilangkan akal sihat sehingga berkemungkinan menimbulkan permusuhan antara manusia.

Harmoni nasab, dengan menjaga keturunan melalui perkahwinan agar mendatangkan rasa kasih sayang antara suami dan isteri. Allah berfirman dalam surah al-Rum 30: 21, yang bermaksud: *Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.* Ayat ini menerangkan pentingnya perkahwinan untuk menjaga nasab.

Harmoni harta, penjagaan dan pengurusan harta mestilah ditadbir orang yang berakal dan membelanjakan harta dengan baik, agar harta tersebut dapat digunakan untuk melangsungkan kehidupan dengan baik. Allah berfirman dalam surah al-Nisa 4: 5, yang bermaksud: *Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu.*

Setiyawan Gunardi et al. (2019) menyimpulkan bahawa konsep harmoni yang berasaskan kepada pendekatan *maqasid syariah* menjadi panduan kehidupan, sama ada orang Islam dan bukan orang Islam dalam menjalankan kehidupan bersama di muka bumi (Mohd Yusri, 2019).

### Kajian Lepas

Isu-isu asas berkaitan dengan *maqasid syariah* dan undang-undang telah dikaji dalam jurnal-jurnal dan kertas kerja persidangan (Setiyawan Gunardi & Siti Hajar, 2019). Sementara itu, Khairul Azhar et.al. (2013) menjelaskan hak asasi bukan Islam di Malaysia, persoalan hak asasi yang menjadi pertikaian masyarakat, jika dikaitkan dengan agama. Juga menjelaskan Islam yang mampu memenuhi keperluan orang bukan Islam dalam menjalani kehidupan. Namun tidak mengaitkan dengan maqasid syariah, sebagai panduan.

Khadijah & Mohd Herzali (2008) memaparkan kupasan berkaitan konsep toleransi beragama dari sudut pandangan Islam dan sudut Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Amalan toleransi masih dinilai kabur bagi umat Islam dan bukan Islam, sehingga kadangkala boleh mencetuskan kekeruhan. Toleransi juga belum dikaitan dengan maqasid syariah sebagai panduan dalam bermasyarakat yang majmuk.

Khairul Azhar et.al. (2017) menjelaskan kewajaran penggunaan istilah *al-Dhimmi* sebagai status kewarganegaraan terhadap non Muslim di Malaysia, dengan mengaitkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan Islam. Pada akhirnya, istilah *al-muwatin* lebih sesuai dan tepat dengan sistem pemerintahan negara.

Ghazali (2014) turut membahaskan syariah dalam memelihara sistem kehidupan manusia dan bukan sahaja terhad kepada prinsip asas yang lima itu, malahan maqasid syariah seharusnya menjadi model ke arah pemahaman sebenar Islam yang melengkapi cara hidup yang sempurna dan menyeluruh.

### PERBINCANGAN

Orang bukan Islam disebut sebagai kafir yang ditakrifkan sebagai orang yang (secara i'tiqad dan 'amaliyah) tidak menerima Islam sebagai agama dan tidak tunduk patuh kepadanya.

Seseorang tidak dikategorikan sebagai kafir yang berhak kekal dalam api neraka Allah kerana akidah Islam tidak sampai kepadanya, ataupun Islam sampai kepadanya dalam keadaan yang buruk dan menakutkan, ataupun mereka tidak memahami hujah-hujah Islam walupun sudah berusaha mencari kefahaman mengenainya.akan tetapi menjadi suatu kepastian bahawa Allah tidak akan mengampuni perbuatan syirik dalam kalangan hamba-Nya seperti mana yang diterangkan dalam al-Quran (Al-Qaradhawi, 2016).

### Status Orang Kafir Di Malaysia Sekarang

Dari segi persoalan sama ada wujud atau tidak golongan kafir *zimmi* di Malaysia seperti sekarang, maka jawapannya dikembalikan kepada 'takrif' kafir *zimmi* itu

sendiri. Oleh kerana maksud kafir *zimmi* bermaksud orang bukan Islam yang tinggal di dalam Negara Islam, sedangkan negara Malaysia masih belum layak digelar Negara Islam kerana hanya separuh hukum Islam dijadikan undang-undang dan panduan kepada rakyatnya, maka jelaslah bahawa kita tidak dapat lagi mengkategorikan atau menamakan mereka sebagai *ahli zimmi*. Dari sudut yang lain, kafir *zimmi* atau dikenali juga sebagai *ahli zimmah*, adalah kerana kedudukan mereka yang tunduk patuh kepada hukum Islam serta mereka membayar jizyah sebagai balasan perlindungan (*zimmah*) yang diberikan oleh Negara Islam kepada mereka. Sedangkan pada hari ini, tidak ada satu negara pun di mana orang-orang kafir membayar jizyah di dalamnya, dan tidak ada satu negara pun yang menerapkan hukum Islam. Begitu jugalah Malaysia yang masih belum mengamalkan hukum Islam dengan sepenuhnya (Shamrahayu, 2017).

Bagi Malaysia, pemberian kewarganegaraan adalah berdasarkan kontrak perjanjian namun elemen agama tidak dijadikan sebagai dasar utama dalam penentuan kewarganegaraan tersebut bahkan keutamaan terhadap sebahagian warganegara Malaysia adalah berdasarkan status mereka sebagai bumiputera tanpa mengira agama. Hal ini dapat dilihat apabila warga bumiputera yang bukan Muslim juga seperti peribumi Sabah dan Sarawak mendapatkan kelebihan tertentu aspek dalam pentadbiran, pelajaran dan pemilikan tanah berbanding golongan bukan bumiputera yang beragama Islam. Maka, pemeliharaan keistimewaan sebagai warganegara berdasarkan status asal ini mewajarkan penukaran istilah tersebut bagi meraikan realiti semasa yang wujud pada hari ini yang menyaksikan pemberian kewarganegaraan berdasarkan keagamaan ini telah digantikan dengan pemberian kewarganegaraan berdasarkan keperibumiannya bertujuan memelihara hak dan kedudukan penduduk asal sesuatu penempatan. Maka, penyelarasan penggunaan istilah *al-muwatin* bagi orang bukan Islam bagi merujuk kepada warganegara adalah lebih relevan berdasarkan realiti semasa yang wujud di Malaysia ketika ini dan bersesuaian dengan konsep *maqasid* yang dibawa oleh Islam. Namun begitu, perlu difahami bahawa aspek yang mengalami perubahan hanyalah berkaitan penggunaan istilah sahaja di mana peruntukan hak yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan terutamanya yang terkandung dalam Bahagian 2 Perlembagaan Persekutuan, iaitu Kebebasan Asasi, tetapi perlu dipatuhi dan dihormati oleh semua pihak bagi menjamin kestabilan masyarakat di negara ini dan kedudukan Malaysia sebagai negara yang menghimpunkan kemajmukan bangsa dan agama perlu menginterpretasikan konsep ini dalam usaha mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu (Khairul Azhar et. al., 2017).

## **Isu Perkauman dan Keharmonian Kaum**

Hussamuddin (2020) mengingatkan kerajaan Malaysia bahawa jika isu-isu perkauman dan agama tidak ditangani dengan berkesan, ia boleh menghancurkan Malaysia. Salah satu contoh adalah isu hiasan tanglung di sebuah sekolah diprotes sehingga menyebabkan orang Islam semakin benci dengan tanglung, kerana beberapa orang menteri terpaksa turun ke sekolah untuk mempertahankan tanglung. Pada masa yang sama, apabila isu jawi diasak oleh Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina (Dong Zong) dan pemimpin bukan Melayu, pemimpin-pemimpin Melayu senyap, ini menyebabkan orang Melayu marah.

Keharmonian kaum perlu ditegakkan dengan bertolak ansur satu sama lain dalam kehidupan bermasyarakat bersama-sama dan beragama menurut tuntutan agama masing-masing. Keterlibatan pemimpin dalam menyelesaikan isu perkauman perlu dibuat dengan melakukan tindakan yang progresif, sehingga dapat mengelak perbalahan antara kaum. Kempen keharmonian perlu diperhebat ke seluruh negeri dari masa ke masa, untuk ingat mengingatkan antara kaum dan agama.

Isu ini dikatakan telah dijadikan modal politik yang paling ampuh bagi pihak kerajaan bagi mematahkan sebarang tentangan daripada seteru politik mereka. Mereka mendakwa walaupun Perkara 8(2) menetapkan bahawa sebarang diskriminasi berkaitan jantina, agama dan kaum adalah dilarang namun terdapat beberapa langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dilihat telah membelaikan prinsip tersebut. Antara fakta yang mencuri tumpuan mereka berhubung pelaksanaan program Biro Tatanegara yang didakwa menyimpang daripada objektif asalnya di mana program ini telah dijadikan alat oleh pihak parti pemerintah untuk menyuburkan semangat perkauman yang tebal terutamanya melibatkan kaum Melayu dan kaum Cina ([https://ms.wikipedia.org/wiki/Perkara\\_8\\_Perlembagaan\\_Malaysia](https://ms.wikipedia.org/wiki/Perkara_8_Perlembagaan_Malaysia)). Perlu difahami bahawa Islam merentasi batasan perkauman dan keturunan di mana semua manusia dinilai sama di sisi Allah (Khairul Azhar et. al., 2013).

Walaupun perkara 160 (2) mendefinisikan Melayu sebagai beragama Islam, namun adalah tidak wajar bagi mana-mana pihak untuk menyandarkan sebarang rasa tidak puas hati mereka berhubung layanan yang diterima berdasarkan bangsa kepada agama. Kaum Melayu memiliki hak istimewa mereka yang tersendiri berorientasikan kepada persetujuan bersama semua pihak. Justeru, hak istimewa yang diterima oleh mereka ini bukanlah suatu bentuk penindasan kepada golongan bukan Muslim di Malaysia. Hal ini kerana kaum lain yang beragama Islam juga turut dikecualikan beberapa hak istimewa. Namun, pihak kerajaan juga perlu meneliti beberapa dakwaan mereka yang dilihat sedikit berdasarkan terutamanya apabila isu perkauman ini sering diputarbelitkan apabila ia melibatkan kepentingan politik sesuatu pihak.

## KESIMPULAN

Islam adalah ajaran yang membawa kepada keharmonian dalam kehidupan beragama yang berbeza anutan agama. Konsep harmoni membawa keamanan dan kedamaian melalui pendekatan *maqasid syariah*. Kepelbagaiannya latarbelakang merupakan satu kewajaran dalam menempuh kehidupan, sama ada aspek agama, bangsa, dan negara. Justeru, hal ini akan memberi implikasi saling lengkap melengkapi satu sama lain.

Konsep harmoni hanya dijalankan pada kehidupan bermasyarakat sahaja sama ada orang Islam mahupun orang bukan Islam dan tidak dikaitkan dengan konsep Tawhid. Yang terpenting adalah dapat membawa kepada maslahah dan mengelak kemudaratan.

## RUJUKAN

- Al-Fasi, Ilal. (1993). *Maqasid al-shariah al-Islamiyyah wa makarimuha*. Tunis: Dar al-Ghabr al-Islamiyah.
- Al-Gharyani, ‘Adil Muhammad Abd al-Aziz. (2006). Al-Ta’ayusy al-silmi fi usur al-duwal al-Islamiyyah. Kertas kerja Nadwah al-Duwaliyyah al-Ta’ayusy al-Silmi fi al-Islam. Rabitah al-Alam al-Islami dan al-Markaz al-Islami Colombo.
- Ghazali, Mohd Rumaizuddin. (2014). Kepentingan maqasid syariah dalam berfatwa di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 4(1): 7-32.
- Hussamuddin Yaacub. (2020). Hubungan kaum, agama semakin parah di Malaysia.  
[http://www.astroawani.com/berita-malaysia/hubungan-kaum-agama-semakin-parah-di-malaysia-227655 \[03 Jun 2020\]](http://www.astroawani.com/berita-malaysia/hubungan-kaum-agama-semakin-parah-di-malaysia-227655 [03 Jun 2020])
- [https://ms.wikipedia.org/wiki/Perkara\\_8\\_Perlembagaan\\_Malaysia](https://ms.wikipedia.org/wiki/Perkara_8_Perlembagaan_Malaysia).
- Kamus Dewan. (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khadijah Mohd Khambali@Hambali & Mohd Herzali Mohd Haled. (2008). Toleransi beragama dan amalannya di Malaysia: Rujukan kepada artikel 11 perlembagaan persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 27, 81-92.
- Khairul Azhar Meerangani, Syamsul Azizul Marinsah, Muhammad Asyraf Ahmad Termimi, Muhammad Ikhlas Rosele & Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2013). *Hak asasi bukan Muslim di Malaysia: Analisis isu terpilih*. Kertas kerja International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society, 552-565.
- Khairul Azhar Meerangani, Syamsul Azizul Marinsah, & Rushdi Ramli. (2017). Kewajaran penggunaan istilah al-dhimmi terhadap non Muslim di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Pengajian Islam*. Bilangan 10(II), 40-53.
- Mabruk, Muhammad Mukhtar Gomaa. (2015). Peaceful coexistence between religions and fiqh of coexistence: Towards the renewal approach. 188

- Emirates Lecture Series. The Emirates Center for Strategic Studies and Research.
- Mohd Yusri bin Ibrahim. (2019). Amalan toleransi beragama menurut maqasid syariah. *International Research Journal Of Shariah, Muamalat and Islam*, 1 (2), 1-10.
- Perlembagaan Persekutuan. (2010). Bahagian 2: Kebebasan asasi. Malaysia: Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. (2016). *Fatwa kontemporari siri 2 akidah dan ibadah*. Selangor: PTS Islamika.
- Setiyawan Gunardi. (2019). Maqasid syariah dan aplikasinya dalam bermuamalah antara Muslim dan Bukan Muslim. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 1(2), 31-39.
- Setiyawan Gunardi & Siti Hajar binti Abdul Halim. (2019). Maqasid syariah: Prinsip dan pelaksanaan dalam bermuamalah antara Muslim dan bukan Muslim. *E-Prosiding Diskusi Syariah dan Undang-undang. Seri 1 2019*, 11-24.
- Setiyawan Gunardi, Mualimin MS, Nur Mohammad Hadi Z. (2019). Konsep harmoni dalam masyarakat Muslim dan bukan Muslim bersaskan maqasid syariah. *Proceeding of 6th Regional Seminar on Islamic Higher Education 2019 (SeIPTI2019)*, 257- 271.
- Shamrahayu binti A. Aziz. (2017). Realiti perundangan dalam pelaksanaan hudud di Malaysia. <https://muftiwp.gov.my/en/sumber/media/penerbitan/suara-pemikir/2154-realiti-perundangan-dalam-pelaksanaan-hudud-di-malaysia> [01 Jun 2020]
- Al-Sharif, Muhammad Musa. (2013). *Al-Taqrub wa al-ta'ayush ma'a ghair al-Muslimin*. Arab Saudi: Dar Andalus al-Hira'.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq. (1996). *al-Muwafaqat fi usul al-shariah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Zarqa, Mustafa. (1998). *Madkhal al-fiqh al-am*, 1/102. Dimashq: Dar al-Qalam.